

28 OCT 1999

Mahathir-pembangkang

PAKATAN PEMBANGKANG CUBAAN MENIPU SESAMA SENDIRI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pakatan parti-parti pembangkang dalam apa yang dinamakan sebagai Barisan Alternatif sebenarnya satu usaha menipu antara satu sama lain.

"Mula-mula mereka buat satu manifesto bersama dan kemudian masing-masing parti dan negeri buat manifesto sendiri. Apa makna kerjasama jika masing-masing parti buat manifesto sendiri," katanya dalam temubual dengan Radio Televisyen Malaysia (RTM) di pejabatnya di Putrajaya.

Perdana Menteri berkata rakyat tidak seharusnya menyokong pakatan parti pembangkang yang jelas tak jujur dan ikhlas dalam melaksanakan janji-janji mereka.

Menurutnya, parti pembangkang tidak boleh membawa perpaduan dan kerjasama seperti yang diamalkan oleh Barisan Nasional kerana masing-masing parti dalam pakatan pembangkang itu mahu menipu sesama sendiri.

"PAS dalam perlembagaannya mahu mendirikan negara Islam tetapi DAP kata langkah mayatnya dulu dan kini PAS sanggup mengetepikan pembentukan negara Islam dalam manifesto bersama parti pembangkang. Tapi timbalan presiden PAS Abdul Hadi Awang kata dia mahu buat juga negara Islam dan ini nampak mereka tidak ada pakatan," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno dan BN sudah menunjukkan kebolehannya, malah apa yang dijanjikan telah ditunaikan.

"Pendekatan BN ialah kita tidak janjikan sesuatu yang kita tak mampu tunaikan. Kita tahu besar kemungkinan kita akan jadi kerajaan lagi (selepas pilihan raya umum) dan apabila menjadi kerajaan, kita perlu tunaikan janji untuk kebaikan rakyat," katanya.

Dr Mahathir meminta rakyat supaya membuat penilaian yang bijak dalam menentukan kerajaan yang akan dibentuk selepas pilihan raya umum nanti.

"Kita harus tahu bahawa apabila kita memilih seseorang calon itu, kita pilih bukan kerana emosi atau fikiran sempit tetapi berdasarkan penilaian terhadap calon itu, seperti parti mana yang diwakilinya dan apakah program parti politiknya," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, katanya, terdapat cubaan menutup minda pengundi supaya mereka membuat pemilihan hanya berdasarkan sentimen parti.

Cubaan seperti ini, katanya, menimbulkan perasaan benci terhadap pemimpin-pemimpin dan parti tertentu.

"Tidak kenalah jika seseorang itu membuat pilihan kerana rasa bencinya terhadap parti atau pemimpin lain. Seseorang itu tidak mempunyai pilihan jika undinya itu berdasarkan rasa bencinya hasil apa yang didengar dan bukannya daripada apa yang dinilainya," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga berkata ada pihak yang tidak berpuas hati dengan kerajaan semata-mata kerana perkara kecil.

"Saya terdengar cerita mengenai seorang yang sedang menunggu lif di hospital. Lif itu lambat sampai dan kerana itu, lelaki ini berkata dia tidak akan mengundi kerajaan," katanya.

Hakikatnya, kata Perdana Menteri, ialah lelaki itu dan yang lain menikmati perubahan dan kemudahan secara percuma dan pemikiran sebegitu timbul kerana rasa kecewa.

"Kita kenalah tengok secara menyeluruh tentang apa yang kerajaan lakukan untuk negara. Secara langsung dan tidak langsung kita mendapat

manfaat.

"Tiada siapa yang tidak mendapat sesuatu manfaat daripada apa yang kerajaan lakukan. Seperti sekolah di luar bandar, buku teks percuma atau jalan untuk membolehkan kita keluar dari kampung," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ARA MAI